

Bisnes

bhbiz@bh.com.my

Kami akan pertingkatkan usaha kepelbagaian portfolio menerusi pelaburan dalam kelas aset dan geografi baharu, termasuk peluang hartanah global yang berupaya memberikan pulangan yang baik.

Jalil Rasheed,
Presiden dan Ketua
Eksekutif Kumpulan PNB



PNB sasar tingkat pelaburan luar negara

Syarikat yakin keputusan beri pulangan baik

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Permodalan Nasional Bhd (PNB) kekal optimis terhadap peluang pelaburan antara-bangsa dengan terus aktif meninjau bidang pelaburan yang mampu memberikan pulangan lebih baik di sebalik impak global pandemik COVID-19.

Pengurus dana terbesar di Malaysia itu juga menetapkan sasaran untuk meningkatkan pendedahan global secara taktikal kepada 30 peratus menjelang 2022, berbanding pendedahan global semasa sebanyak 8.5 peratus pada akhir 2019.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Jalil Rasheed, berkata sehingga kini, syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia itu sudah melabur di Amerika Syarikat (AS), Eropah dan beberapa negara Asia.

Beliau berkata, pelaburan di luar negara itu dibuat sama ada secara terus dalam pasaran ekuiti mahupun dalam pendapatan tetap serta ekuiti persendirian.

Katanya, PNB mempunyai Rangka Kerja Peruntukan Aset Strategik (SAA) yang menjadi panduan dalam proses membuat keputusan bagi menetapkan sasaran peruntukan modal jangka panjang yang optimum.

Ia juga berperanan penting dalam inisiatif PNB untuk mencapai kepelbagaian risiko yang lebih baik melalui portfolio pelaburannya dalam pelbagai kelas

aset, jelasnya.

"Pendekatan SAA kami sudah mengubah perjalanan pertumbuhan masa depan kami ke arah pengagihan aset dengan kepelbagaian portfolio sebagai pemacu utama.

"Kami akan mempertingkatkan usaha kepelbagaian portfolio menerusi pelaburan dalam kelas aset dan geografi baharu, termasuk peluang hartanah global yang berupaya memberikan pulangan yang baik," katanya kepada *BH* bagi mengulas rancangan pelaburan luar negara PNB.

Mengenai proses keputusan pelaburan dibuat, Jalil berkata, semua peluang pelaburan perlu melalui proses penilaian ketat merangkumi penilaian asas syarikat. Cadangan pelaburan melalui pelbagai lapisan proses tadbir urus bagi memastikan portfolio PNB terdiri daripada syarikat yang dikendalikan dengan baik serta mampu bertahan dengan kitaran pasaran.

Beliau berkata, memandangkan PNB mengekalkan perspektif jangka panjang, pihaknya tidak menjangkakan sebarang perubahan drastik dalam strategi pelaburan.

"Pendekatan pelaburan kami mengutamakan penjanaan pulangan jangka masa panjang yang berterusan untuk pemegang unit.

"Dengan situasi COVID-19, kami terus memantau cabaran yang mungkin dihadapi pada masa hadapan, namun kebelakangan ini, kami sudah memanfaatkan peluang yang diberikan oleh pasaran," katanya.

Jalil berkata, bagi mengoptimalkan pulangan dalam persekitaran pulangan rendah yang berterusan, PNB perlu terus meneliti portfolionya untuk melabur dalam kaunter terpilih yang mempunyai prospek serta potensi pulangan jangka panjang lebih baik, bagi memastikan penggunaan modal lebih cekap.

Bagi tempoh terdekat, beliau berkata, ia termasuk memanfaatkan prospek yang ditawarkan oleh ketidakpastian harga pasaran.

"Strategi itu juga akan membolehkan PNB memperkukuhkan posisi kewangannya dalam jangkaan pasaran yang tidak menentu.

"Selain itu, PNB akan memantapkan proses pelaburan sedia ada dan meningkatkan kecekapan proses membuat keputusan menerusi penekanan kepada tahap responsif terhadap peluang dan risiko dengan mengambil kira jangka masa pelaburan yang lebih panjang," katanya.

PNB adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion.

Portfolionya merangkumi pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah.

MSAM bakal berwajah digital

Permodalan Nasional Bhd (PNB) bercadang membuat pembaharuan terhadap penganjuran program celik kewangan dan pelaburan utamanya, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) dengan 'berwajah' digital sejajar peralihan zaman ke arah pendigitalan.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Jalil Rasheed, berkata sejak penganjuran dua MSAM yang lalu, sedikit demi sedikit inovasi digital sudah diperkenalkan seperti pendaftaran melalui aplikasi MSAM yang dibangunkan sendiri kakitangan

PNB dan gerai pameran yang menggunakan realiti maya (VR).

"Insya-Allah, kami akan umumkan MSAM digital pada masa terdekat. Ini sejajar dengan inisiatif digital kami untuk mampu mengukur tahap literasi kewangan dengan lebih berkesan," katanya kepada *BH* mengulas mengenai penganjuran MSAM.

Jalil berkata, kemampuan untuk menggunakan kaedah digital membantu PNB merancang mana-mana segmen atau bahagian yang perlu diperuntukkan lebih banyak masa untuk mendidik, bukan dengan menganjurkan

satu acara berskala besar setiap tahun.

Beliau berkata, acara berbentuk digital juga dapat dijalankan sepanjang tahun dan bukan hanya satu acara setiap tahun.

Mengulas mengenai pelaksanaan 'Seminar Pelaburan 360 Hari', Jalil berkata, berikutan penularan COVID-19 yang melanda seluruh dunia, program 'Seminar Pelaburan 360 Hari' yang sebelum ini dijalankan setiap hari tidak dapat diteruskan.

Sehubungan itu, beliau berkata, program seminar itu juga diberi penjenamaan semula kepada

'Seminar Pelaburan 360'.

"360 merujuk kepada 360 darjah yang menggambarkan inisiatif Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) untuk menukar persepsi serta sikap rakyat Malaysia daripada tiada kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan kepada individu yang berpengetahuan dan sedar akan kepentingan perancangan kewangan.

"360 juga memaparkan satu pusran lengkap 360 darjah, yang mana ia digambarkan sebagai satu usaha pendidikan sepanjang hayat seseorang itu," katanya.

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ASNB mengambil inisiatif untuk mengadakan seminar dalam talian kepada kumpulan sasaran tertentu dan juga atas permintaan atau jemputan agensi kerajaan, badan beruniform, institut pengajian tinggi awam dan sektor korporat.

MSAM adalah acara tahunan literasi kewangan PNB yang mula dianjurkan sejak 2000 dalam mendidik rakyat Malaysia mengenai literasi kewangan serta menyemai kesedaran pentingnya merancang kewangan sejak usia muda.